



**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan sebuah Universiti Awam yang diperbadankan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi mempelawa calon-calon berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Gred VU6 seperti berikut:

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. Gred : Gred Utama B (VU6)
3. Taraf Lantikan : Kontrak/Peminjaman/Tukar Sementara
4. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
5. Kelayakan : Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 5.1 Telah menyandang sekurang-kurangnya jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas C dengan gelaran Profesor dan berkeelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengendalikan perihal akademik dan antarabangsa;
  - 5.2 telah mengikuti Program Penilaian Bakat Kepimpinan Pendidikan Tinggi yang dikendalikan oleh Akademik Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) sebelum permohonan dikemukakan; dan
  - 5.3 telah mengikuti saringan penilaian bakat oleh USIM (pemohon akan dihubungi jika belum pernah mengikuti saringan ini).
6. Kriteria Umum : Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam adalah seperti berikut:
  - 6.1 **Kecemerlangan Akademik**  
Calon mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dalam kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit

antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**6.2 Pengiktirafan Antarabangsa**

Calon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

**6.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Calon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik, ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehampuan calon.

**6.4 Reputasi**

Calon mestilah bersedia tampil sebagai suri teladan kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

**6.5 Personaliti**

Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

**6.6 Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.**

7. Kriteria Khusus : Kriteria khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam adalah seperti berikut:

**7.1 Berkemampuan Menguruskan Urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar**

Calon hendaklah mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini kerana calon bertanggungjawab menetapkan halatuju pengisian program/projek/aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai badan pelajar termasuklah Majlis Perwakilan Pelajar supaya pengisian program/projek/aktiviti tersebut adalah selari

dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

**7.2 Aktif dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan dalam Merekabentuk dan Melaksanakan Ko-Kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik**

Calon hendaklah mahir dalam mereka bentuk dan melaksanakan ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

**7.3 Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar**

Calon hendaklah bersedia menerajui pelbagai jawatankuasa berteraskan pembangunan pelajar termasuklah Jawatankuasa Penyelarasan Aktiviti Pembangunan Pelajar, Jawatankuasa Penyelarasan Peraturan Pelajar, Jawatankuasa Pengurusan Kolej Kediaman dan pelbagai jawatankuasa lain. Calon mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Calon juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

**7.4 Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman**

Calon hendaklah bersedia menerajui pengurusan kolej-kolej kediaman dan berupaya menyelesaikan isu-isu penginapan pelajar di kolej kediaman termasuklah isu-isu pelajar luar kampus demi memelihara keharmonian dan kesejahteraan pelajar secara keseluruhan.

**7.5 Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta dihormati dari kalangan Alumni**

Calon hendaklah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting

sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

8. Kriteria Tambahan : Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki kriteria-kriteria tambahan seperti berikut:
- 8.1 memiliki kesediaan dan keazaman untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam pembentukan kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran di USIM;
  - 8.2 memiliki pengetahuan yang mendalam tentang falsafah Pendidikan Islam;
  - 8.3 memahami konsep tentang Pendidikan Islam dalam masyarakat majmuk;
  - 8.4 memiliki komitmen untuk melaksanakan epistemologi Islam dalam pendidikan tinggi; dan
  - 8.5 memiliki komitmen untuk memperkasakan penjana bagi meningkatkan pendapatan Universiti.

## 9. CARA MEMOHON

Permohonan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Gred VU6 perlulah dikemukakan secara rasmi beserta dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi
  - ii. Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan seperti di **Lampiran 1** (CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, anugerah dan hadiah yang diterima, sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara **perlu disertakan bersama**)
  - iii. Sekeping gambar terkini berukuran pasport (Rujuk **Lampiran 1**)
  - iv. Salinan sijil
  - v. Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek serta jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - vi. Laporan Tapisan Keselamatan Kasar dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (calon daripada luar USIM sahaja)
  - vii. Dokumen-dokumen sokongan yang lain.
10. Calon-calon yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temubual.
11. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temubual jawatan ini tidak ditanggung oleh USIM.
12. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.

13. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**YM Raja Mariam Raja Mohd Esa**  
Ketua Bahagian  
Bahagian Governan dan Pentadbiran  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia  
No. Tel : 06-798 8123  
E-mel : [rajamariam@usim.edu.my](mailto:rajamariam@usim.edu.my)

14. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**PENDAFTAR**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**  
**Aras 2, Bangunan Canselori**  
**Bandar Baru Nilai**  
**71800 Nilai**  
**Negeri Sembilan Darul Khusus**  
Tel : 06-7988101/6021/8122/8123  
Faks : 06-7988130

15. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN:**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 JULAI 2024 (SELASA)**